



# Limpahan Pekerja Asing Rangsang Ekonomi?

**S**ELEPAS banyak pihak melontarkan bantahan berhubung dengan cadangan kerajaan untuk membawa masuk 1.5 juta orang pekerja asing Bangladesh ke Malaysia, kerajaan menukar cadangan itu dengan menghentikan pengambilan pekerja asing baharu kecuali bagi sektor pembantu rumah. Dengan pengumuman keputusan tersebut yang berkuat kuasa serta-merta pada Mac lalu, bermakna majikan perlu menggaji pekerja asing yang sedia ada di negara ini, termasuk yang tamat tempoh permit kerja. Majikan juga

dibenarkan mengambil pekerja asing yang tidak berdokumen atau didaftarkan mengikut Program 6P (Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/Pendatang Asing Tanpa Izin).

Keputusan kerajaan itu sudah tentu menimbulkan kebimbangan dan kekeliruan dalam kalangan peserta industri sehingga ada yang menganggap bahawa keputusan tersebut sebagai tidak wajar dan terlalu terburu-buru. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia mencatatkan lebih daripada 6.7 juta orang pekerja asing di

negara ini. Jumlah tersebut jelas membuktikan bahawa Malaysia sememangnya banyak bergantung pada tenaga kerja asing, khususnya dalam sektor pembinaan dan industri yang memerlukan tenaga kerja separa mahir dan tidak mahir.

Menurut Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), keputusan kerajaan menghentikan pengambilan pekerja asing baharu ke negara ini dijangkakan memberikan kesan negatif, terutama kepada syarikat besar untuk mencari tenaga buruh yang mencukupi. Apatah lagi, keputusan tersebut tidak memberikan sebarang tempoh untuk syarikat merangka perancangan tenaga kerja yang diperlukan.

Sungguhpun begitu, dari sisi yang lain, ada pihak yang berpandangan bahawa keputusan itu membuka peluang pekerjaan kepada kira-kira lima juta orang pekerja asing di negara ini yang masih belum berdaftar. Oleh itu, sekiranya industri bersedia mengambil pekerja asing yang sedia ada, sedikit banyak hal ini dapat membantu mengawal pertambahan kemasukan pekerja asing, khususnya pekerja yang tamat tempoh atau pendatang asing tanpa izin (PATI).

Kebergantungan tenaga kerja asing terhadap peluang pekerjaan di negara ini sememangnya tidak dinafikan lagi. Malaysia sebagai lubuk mencari rezeki dalam pelbagai sektor, menjadi tumpuan rakyat dari banyak negara, antaranya termasuklah Indonesia, Bangladesh, Pakistan, Nepal, Filipina dan Myanmar. Lebih 10 tahun yang lalu, tumpuan tenaga kerja asing lebih terarah kepada industri pengilangan, pembuatan dan pembinaan. Namun begitu, sejak belakangan ini, corak penguasaan ekonomi mereka semakin berubah. Daripada sektor industri mereka beralih kepada memonopoli industri berskala kecil, seperti bekerja di restoran, stesen minyak, kedai runcit, pengawal keselamatan dan penjaja di pasar.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem, berkata pada tahun lalu pekerja asing di negara ini, sama ada yang masuk secara sah ataupun haram, dianggarkan berjumlah 6.7 juta orang. Jumlah ini mengatasi populasi penduduk etnik kedua terbesar di negara ini, iaitu kaum Cina yang berjumlah 6.64 juta orang.

Sebagai negara yang pesat membangun, pembangunan infrastruktur dan prasarana yang

sistematik perlu digembeng mengikut acuan negara maju. Dalam hal ini, guna pakai tenaga asing banyak membantu perkembangan ekonomi dan pembangunan negara. Oleh itu, perkara ini perlu dibangunkan dalam masa yang singkat, yang hanya berbaki empat tahun sahaja lagi. Untuk mencapai misi tersebut, keperluan tenaga buruh sememangnya amat diperlukan. Namun demikian, umum mengetahui bahawa Malaysia mengalami kekurangan tenaga buruh tempatan untuk menggerakkan pembangunan dalam sektor tertentu. Hal ini mengakibatkan Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan selain mengambil tenaga buruh asing, termasuk dari Vietnam, Myanmar, Bangladesh, India dan Indonesia.

Malaysia juga bergelut untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja terutama dalam sektor perladangan dan pertanian. Industri kelapa sawit merupakan sektor pertanian termaju yang mempunyai kedudukan yang strategik dalam ekonomi Malaysia dari segi penjanaan pendapatan eksport. Peranan pendatang asing sebagai tenaga kerja dalam industri kelapa sawit menjadi faktor penting untuk menggerakkan industri ini memandangkan sektor pekerjaan dalam bidang pertanian dan perladangan kurang diminati rakyat tempatan.

Walau bagaimanapun, daripada 6.7 juta orang pekerja asing di negara ini, hanya 2.1 juta orang yang mempunyai permit sah dan berdaftar dengan Jabatan Imigresen. Oleh itu, kebanyakan pendatang asing tidak seharusnya dipandang ringan kerana mereka mampu menguasai ekonomi sekiranya terus diberi peluang. Pada hari ini, bukanlah sesuatu yang mengejutkan apabila banyak dalam kalangan mereka yang pada mulanya masuk ke negara ini sebagai pekerja asing, kini mula menguasai bidang perniagaan di kawasan tertentu dan menjadi pesaing kepada peniaga dalam kalangan penduduk tempatan. Tidak mustahil pada suatu hari nanti, mereka dapat menguasai bidang perniagaan sekali gus ekonomi negara, malah akan ada rakyat tempatan yang terpaksa bekerja di bawah mereka.

Sehubungan dengan itu, statistik yang dikeluarkan oleh Bank Dunia 2011 mendapati bahawa Malaysia berada pada kedudukan 20 buah negara imigran teratas dengan jumlah 2.4 juta orang migran yang menghantar pulang kira-kira AS\$6.8 bilion (RM27.8 bilion) pada tahun 2009 yang secara tidak langsung menyumbangkan aliran wang masuk kepada negara membangun yang lain.

Penguasaan tenaga buruh dalam sektor pembinaan, pertanian dan perladangan, pembuatan, serta perniagaan yang dijalankan oleh pekerja asing di negara ini membawa aliran wang ke luar negara dengan jumlah yang amat tinggi. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Western Union Malaysia, Chew Mei Ling, syarikat pengirim wang bukan bank itu pernah menyasarkan jumlah pengirim wang oleh pekerja asing di negara ini ke negara mereka masing-masing meningkat sebanyak lima peratus pada tahun 2014. Katanya, pengirim wang keluar oleh pekerja asing pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan berbanding dengan RM21.7 bilion yang direkodkan pada tahun 2012.


Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Johari Abdul Ghani, (kini dilantik Menteri Kewangan Kedua) dalam sidang Parlimen baru-baru ini menjelaskan bahawa jumlah wang yang dihantar balik oleh pekerja asing ke negara asal mereka meningkat sebanyak 23.2 peratus kepada RM34.75 bilion hingga akhir tahun 2015. Jumlah ini membuktikan bahawa wujud penguasaan ekonomi dalam kalangan pekerja asing yang meningkatkan kuasa ekonomi mereka. Banyak penganalisis ekonomi beranggapan bahawa wang tersebut seharusnya dijanakan oleh rakyat Malaysia, seterusnya meningkatkan aliran tunai dalam negara dan memberikan kesan positif kepada pembangunan ekonomi domestik.

Pendapatan per kapita rakyat di negara ini pada tahun 2015 ialah sebanyak RM36 285. Oleh itu, jika wang yang dikirim ke luar negara dijanakan oleh rakyat Malaysia, jumlah tersebut berupaya meningkatkan pendapatan per kapita rakyat kepada RM37 406, iaitu pertambahan sebanyak RM1121. Hal ini sekali gus menambah aliran tunai dalam negara serta kuasa beli rakyat, dan pada masa sama, ekonomi tempatan dijangkakan lebih pesat membangun.

Menurut Kementerian Dalam Negeri, sehingga 31 Januari 2016, terdapat 2.8 juta orang pekerja asing yang sah di negara ini. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan bahawa setiap pekerja asing mengirim wang sebanyak RM16 683 setahun atau RM1416 sebulan ke negara mereka pada tahun 2015.

Menyedari bahawa penguasaan pekerja asing terhadap pekerjaan "3D", iaitu kotor, sukar dan bahaya (*dirty, difficult and dangerous*) dan penolakan pekerjaan tersebut dalam kalangan rakyat tempatan dengan alasan faktor gaji yang rendah, membawa

Banyak dalam kalangan mereka yang pada mulanya masuk ke negara ini sebagai pekerja asing, kini mula menguasai bidang perniagaan.



Kini buruh asing turut mengambil peluang bekerja di restoran.

pengumuman pelaksanaan gaji minimum pada 1 Januari 2013, iaitu sebanyak RM900 sebulan (RM4.33 sejam) untuk Semenanjung Malaysia dan RM800 sebulan (RM3.85 sejam) untuk Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan yang meliputi tenaga kerja tempatan dan asing (kecuali perkhidmatan domestik, seperti pembantu rumah dan tukang kebun) sedikit banyak meningkatkan daya saing dalam sektor pekerjaan.

Mengikut kesan potensi dasar gaji minimum terhadap ekonomi Malaysia seperti yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), dianggarkan kira-kira 27 peratus pekerja di negara ini akan meraih manfaat daripada dasar gaji minimum. Mengikut sektor ekonomi, industri pertanian dijangkakan menerima kenaikan gaji yang paling tinggi kerana sebanyak 43 peratus pekerja dalam sektor tersebut menerima gaji yang lebih rendah daripada gaji minimum sebelum dasar ini dilaksanakan.

Dasar gaji minimum dijangkakan memainkan peranan yang penting untuk menangani ketidakcekapan dalam pasaran pekerjaan dan meningkatkan kebajikan pekerja berpendapatan rendah, khususnya rakyat tempatan. Bagi BNM, langkah kerajaan memperkenalkan dasar gaji minimum membantu mengurangkan herotan dalam pasaran pekerja dan memaksimumkan kecekapan penggunaan pekerja dalam ekonomi.

Apabila gaji yang ditentukan secara artifisial lebih rendah daripada paras produktiviti, hal ini akan menyebabkan kadar penyertaan pekerja yang rendah dalam ekonomi kerana pekerja kurang dorongan untuk menyertai pasaran pekerja dan akhirnya peluang tersebut diisi oleh pekerja asing.

Pada tahun 2015, kerajaan memperkenalkan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), iaitu pelan lima tahun bermula 2016 hingga 2020 yang bertujuan untuk melahirkan pemain industri pembangunan yang mapan pada peringkat domestik, sekali gus mampu bersaing pada pasaran antarabangsa. Oleh itu, paras gaji yang lebih tinggi susulan pelaksanaan dasar gaji minimum dijangkakan dapat menggalakkan penyertaan pekerja tempatan yang lebih tinggi dalam pasaran pekerjaan, serta penggunaan pekerja yang lebih cekap dalam ekonomi.

Tidak dinafikan bahawa industri pembinaan banyak bergantung pada buruh asing yang berkemahiran rendah meskipun untuk membangunkan projek berskala kecil. Berdasarkan perangkaan, buruh asing mewakili 19 peratus daripada jumlah pekerja asing di Malaysia. Dalam hal ini, ada cadangan awal kerajaan yang mahu meningkatkan pendekatan bagi membangunkan modal insan, seperti memperkemas kursus berkaitan pembinaan, mewujudkan aliran latihan dan mengurus semakan semula kursus latihan bagi memastikan mereka memenuhi keperluan semasa industri.

Malah sebelum ini kerajaan juga mengjangkakan industri pembinaan kekal mencatatkan pertumbuhan pada tahun ini berdasarkan pencapaian pertumbuhan bagi dua tahun dahulu, iaitu 10.8 peratus pada tahun 2013 dan 11.8 peratus pada tahun 2015.

Kerajaan yakin bahawa industri pembinaan akan kekal kukuh dengan pelbagai perancangan projek termasuk rumah mampu milik dan beberapa projek infrastruktur dan komersial. Sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), beberapa projek mega diberikan perhatian, antaranya termasuklah Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (Rapid), Central Spine Road dan Lebuh raya Pan Borneo. Oleh itu, selain penyertaan pekerja asing, diharapkan pekerja tempatan juga mengambil peluang keemasan untuk bersama-sama menayakan projek mega negara.

Pekerja tempatan perlu lebih komited terhadap pekerjaan mereka seiring dengan apa-apa yang mampu dilakukan oleh pekerja asing. Mereka juga perlu bijak mencari peluang pekerjaan di negara sendiri. Sudah tiba masanya rakyat tempatan mengubah minda ke arah yang lebih positif dan merebut peluang pekerjaan yang tersedia. Diakui bahawa pengambilan pekerja asing diperlukan bagi memenuhi pekerjaan di sektor tertentu sahaja, seperti pembinaan dan pertanian.

Namun begitu, bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara, pengambilan mereka yang tidak mahir perlu dikurangkan. Pada masa sama, kehadiran pekerja asing tanpa izin perlu dielakkan agar tidak merugikan pelaksanaan dasar kerajaan seperti upah minimum. Sementara itu, nisbah pekerja berkemahiran perlu ditingkatkan seiring dengan misi Malaysia mencapai negara maju menjelang tahun 2020 yang bertunjangan teknologi tinggi dan buruh berkemahiran tinggi. ●

**Diakui bahawa pengambilan pekerja asing diperlukan bagi memenuhi pekerjaan di sektor tertentu sahaja, seperti pembinaan dan pertanian.**